



ARAH TUJU PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Rozita Arshad

PENGENALAN

Sektor awam memainkan peranan yang penting dalam menyediakan perkhidmatan awam kepada rakyat. Rakyat amat mengharapkan agar segala kemudahan awam seperti keselamatan, kemudahan infrastruktur, telekomunikasi, pengangkutan, kesihatan dan pendidikan dapat disediakan dengan teratur kepada mereka. Semua perkara tersebut adalah berhubung rapat dengan peranan yang perlu dimainkan oleh belanjawan awam yang terdiri daripada hasil dan perbelanjaan negara. Berdasarkan Laporan Ekonomi 2000/2001, hasil negara meliputi semua jenis pendapatan yang diterima oleh kerajaan dalam bentuk hasil cukai iaitu; cukai langsung (seperti cukai pendapatan, syarikat, individu, petroleum dan lain-lain), cukai tidak langsung (seperti duti eksport, duti import, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan lain-lain) dan hasil bukan cukai (seperti lesen/permit, perkhidmatan/bayaran, pendapatan pelaburan dan lain-lain).

Hasil digunakan oleh kerajaan untuk membiayai sebahagian besar kegiatan kerajaan, terutamanya perkhidmatan awam yang diperlukan bagi memelihara dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Perkara 96 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa semua cukai atau kadar yang hendak dipungut atau dikenakan terhadap individu atau rakyat perlu dilakukan mengikut undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.

Perbelanjaan negara dibahagikan kepada dua bentuk perbelanjaan iaitu perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus boleh diidentifikasi sebagai perbelanjaan yang berulang setiap tahun dan berterusan, atau juga disebut sebagai perbelanjaan penggunaan (INTAN, 1991). Perbelanjaan mengurus ini lebih tertumpu kepada perbelanjaan dalam menguruskan hal-hal pentadbiran negara. Ianya boleh diklasifikasikan kepada

